



PELAN STRATEGIK

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

2023-2025

Selangor Negeri "Smart, Caring and Resilience (SCR)"



PELAN STRATEGIK

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

2023-2025

Selangor Negeri "Smart, Caring and Resilience (SCR)"

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR	4
PENGENALAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR	5
PELAN STRATEGIK 2023-2025 (3 TAHUN) PENYELARASAN DENGAN RANCANGAN SELANGOR PERTAMA (RS-1)	6
SEJARAH PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR	7
CARTA ORGANISASI DAN CARTA FUNGSI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR	8-9
PIHAK BERKEPENTINGAN, RAKAN STRATEGIK DAN PELANGGAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR	10-12
ISU - ISU STRATEGIK & ANALISIS PERSEKITARAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR	13
VISI DAN MISI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR	14
NILAI - NILAI BERSAMA AGENSI (EHSAN) PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR	15
STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN RANGKA KERJA DAN PELAKSANAAN	16-17
5 TERAS STRATEGIK PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR	18
TERAS STRATEGIK PELAN STRATEGIK PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2023 - 2025	19-27
PENCAPAIAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2018 - 2021	28-31

PERUTUSAN

YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2023 - 2025 dapat dihasilkan dan didokumentasikan. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas kerjasama padu semua pihak yang telah memberikan komitmen penuh dalam menghasilkan dokumen rasmi ini yang akan menjadi panduan warga kerja Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu dari tahun 2023 sehingga tahun 2025.

Pelan Strategik yang dirangka ini adalah sejajar dengan hala tuju strategik pelan induk Kerajaan Negeri Selangor iaitu Rancangan Selangor Pertama (RS-1). Ia akan menyokong sepenuhnya usaha RS-1 dengan menjadikan **Selangor Negeri "Smart, Caring and Resilience (CSR)"** sebagai visi bagi Pelan Strategik ini. Dokumen ini akan menjadi garis panduan kepada semua warga kerja dalam memastikan segala perancangan dapat direalisasikan berdasarkan aspirasi yang terdapat di dalam RS-1 dan dasar-dasar semasa Kerajaan Negeri Selangor. Pelan Strategik ini juga berperanan memastikan penyampaian perkhidmatan bertaraf 5 bintang dalam usaha Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor menjadi agensi yang unggul dan memenuhi kehendak pelanggan serta *stakeholders*. Strategi-strategi yang digariskan di dalam Pelan Strategik ini adalah tertumpu kepada penguatan ekonomi secara menyeluruh bersama keterangkuman sosial dan kelestarian yang dipertingkatkan serta penyampaian perkhidmatan awam melalui tadbir urus yang berkesan.

Akhir kata, saya menyeru semua warga kerja Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor agar kita sama - sama dapat menghayati setiap intipati yang terkandung di dalam pelan ini dan memberikan komitmen sepenuhnya dalam merealisasikan setiap teras serta strategi yang telah dirancang dalam memacu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ke arah Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur.

Sekian.

DATO' HAJI HARIS BIN KASIM
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



PENGENALAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah sebuah sekretariat kerajaan negeri yang mengendalikan hal ehwal yang berkaitan dengan urusan pentadbiran negeri. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor juga berfungsi dan memainkan peranan penting bagi memastikan perancangan dan dasar kerajaan negeri dilaksanakan dengan efektif dan berkesan.

Berdasarkan visi Selangor Negeri “*Smart, Caring and Resilience (SCR)*”, pelbagai kaedah telah dirangka oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi menghadapi cabaran dan persaingan dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada warga kerja dan pelanggan. Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2023 – 2025 telah dibentuk dan dibangunkan bagi mendokong setiap intipati di dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dan sebagai salah satu usaha jabatan dalam memastikan segala perancangan program/aktiviti dapat dilaksanakan pada tahap terbaik mengikut sasaran yang telah ditetapkan. Perancangan strategik telah dirangka melalui pengenaltian isu – isu strategik dan dan analisa persekitaran yang menjadi faktor utama pengukuhan sistem penyampaian perkhidmatan berimpak tinggi terhadap pelanggan dan *stakeholders* jabatan.

Dalam memastikan objektif utama tercapai, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor memfokuskan kepada lima (5) teras utama dalam pembentukan pelan iaitu kitaran ekonomi, pembangunan infrastruktur fizikal dan bukan fizikal (digitalisasi), mobiliti sosial insani, tadbir urus serta kelestarian.

Penyelarasan dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1)


Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang baharu ini adalah bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu dari tahun 2023 sehingga tahun 2025. Pelan Strategik ini akan menggantikan pelan strategik sedia ada yang berakhir pada tahun 2022.

Berdasarkan kepada perancangan Pelan Strategik sebelum ini, tempoh pelaksanaan bagi kebanyakan pelan strategik adalah bagi tempoh 5 tahun. Walaubagaimanapun, tempoh ini adalah bergantung kepada kesesuaian sesuatu jabatan dan agensi. Pentadbiran ini berpandangan pelan strategik yang baharu ini perlulah selari dengan tempoh pelan pembangunan induk Negeri Selangor iaitu Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang berkuatkuasa sehingga tahun 2025.




SEJARAH

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR




CARTA ORGANISASI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



CARTA FUNGSI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



PIHAK BERKEPENTINGAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Duli Yang Maha Mulia
Sultan Selangor

YAB Dato'
Menteri Besar

Ex-Officio (YB Setiausaha Kerajaan Negeri,
YB Pegawai Undang-undang Negeri &
YB Pegawai Kewangan Negeri)

YB Ahli-ahli Majlis
Mesyuarat Kerajaan Negeri

Ahli Dewan
Negeri

RAKAN STRATEGIK

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



PELANGGAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



ISU-ISU STRATEGIK & ANALISIS PERSEKITARAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

01

PENGUKUHAN EKONOMI NEGERI MELALUI PELABURAN DAN JARINGAN EKONOMI SERANTAU

Penguatan ekonomi amat penting dalam memacu pertumbuhan produktiviti dan mewujudkan negeri yang berdaya saing dan berdaya tahan. Pertumbuhan ekonomi yang sihat dan mampan dapat dicapai melalui penguatan pelaburan sedia ada, pelaburan baharu dari dalam dan luar negeri serta melalui jaringan kerjasama ekonomi serantau.

02

PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR YANG MENCUKUPI DALAM MEMASTIKAN KETERSEDIAAN NEGERI DAN KOMUNITI BAGI MENERIMA PEMBANGUNAN DAN PERUBAHAN SEMASA

Pembangunan infrastruktur yang kompetitif dan dinamik menyebabkan ekspektasi komuniti semakin kompleks. Ini menuntut organisasi untuk sentiasa proaktif dan responsif terhadap keperluan menyediakan infrastruktur dan fasiliti yang memenuhi ekspektasi komuniti serta relevan bagi menerima pembangunan persekitaran dan perubahan semasa.

03

PEMURNIAN DAN PENGUKUHAN JALINAN KERJASAMA STRATEGIK

Fenomena globalisasi telah menempatkan negara-negara di dunia berhadapan dengan pelbagai cabaran baharu seperti ekonomi terbuka, tahap daya saing yang kompetitif dan perkembangan pesat sains dan teknologi. Sehubungan itu, organisasi boleh menggunakan fenomena ini bagi memurni dan mengukuhkan jalinan kerjasama strategik supaya perancangan dapat dijalankan dengan penghasilan impak maksimum.

04

PENGUKUHAN SUMBER SEDIA ADA DENGAN PEMERKASAAN DAN PENGGUNAAN SUMBER SECARA OPTIMUM

Keperluan dalam memperkukuhkan sumber sedia ada adalah salah satu unsur yang kritikal dan perlu diperkasakan dalam memastikan penggunaan sumber secara sepenuhnya dan organisasi kekal dalam momentum sepanjang pelaksanaan program yang dirancang. Selain sumber kewangan, organisasi juga perlu memperhebatkan tadbir urus organisasi dan penggunaan teknologi supaya warga kerja dapat berganding bahu secara kolektif dan progresif dalam menjayakan teras strategik yang dimeterai.

05

KELESTARIAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

Isu kelestarian alam sekitar seringkali menjadi tajuk utama di peringkat global. Setiap pendekatan dari aspek pembangunan fizikal seharusnya berubah dengan memberi penekanan keutamaan alam sekitar yang lestari dan berlandaskan kepada prinsip amalan Tadbir Urus, Sosial dan Alam Sekitar (ESG). Landskap dan persekitaran yang menekankan prinsip ESG ini dapat meningkatkan kemampanan dan daya huni di sesebuah kawasan. Kepesatan pertumbuhan ekonomi dan proses pembangunan fizikal juga telah meningkatkan persaingan guna tanah dan memberi impak kepada keperluan pemeliharaan, pemuliharaan dan pengendalian alam sekitar.

VISI DAN MISI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



VISI

Selangor Negeri “*Smart, Caring and Resilience (SCR)*”



MISI

Memperkasa Tadbir Urus Ke Arah Pengukuhan
Ekonomi Secara Menyeluruh Bersama Keterangkuman
Sosial Dan Kelestarian Negeri Selangor



NILAI - NILAI BERSAMA AGENSI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



EMPATI

Penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan berjiwa rakyat berdasarkan kajian dan pemahaman mendalam terhadap keperluan *stakeholders* dan merangkumi seluruh rakyat Selangor.

HOLISTIK

Pendekatan yang menyeluruh dalam merancang, membuat keputusan dan melaksanakan sesuatu kerja agar *output* yang dihasilkan memenuhi kehendak *stakeholders* dan merangkumi seluruh rakyat Selangor.

SEMANGAT BERPASUKAN

Memperkasakan perkhidmatan awam melalui penggabungan tenaga, pengetahuan, kepakaran dan teknikal melalui semangat kerja berpasukan agar lebih berdaya tahan bagi mencapai visi dan misi organisasi.

AKAUNTABILITI

Mentransformasikan perkhidmatan menjadi lebih moden dan berintegrasi produktif dan tangkas disamping memastikan perkhidmatan, diberikan penuh amanah, integriti dan kebertanggungjawaban yang tinggi.

NEUTRAL

Mengamalkan prinsip berkecuali dalam memberikan perkhidmatan sebagai jentera pelaksana dasar-dasar kerajaan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.


STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

RANGKA KERJA DAN PELAKSANAAN



STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

RANGKA KERJA DAN PELAKSANAAN



5 TERAS STRATEGIK

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



TERAS STRATEGIK

PELAN STRATEGIK PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2023 - 2025

TERAS STRATEGI 1 : MENGOPTIMUMKAN KITARAN EKONOMI SECARA KOMPREHENSIF UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT						
STRATEGI 1	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
MENINGKATKAN HASIL NEGERI MELALUI KEPELBAGAIAN SUMBER DAN SUMBER BAHARU	Mewujudkan Program Pertanian Berteknologi Tinggi	Peningkatan nilai hasil dan KDNK	3% (RM79 Juta)			Seksyen Sektoral
	Memperkenalkan Kempen 'Nak Bercuti, Pusing Selangor Dulu!' Dan ' <i>Splendid</i> Selangor'	Peningkatan jumlah kedatangan pelancong tempatan dan antarabangsa	3.5 juta	3.7 juta	3.9 juta	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan
STRATEGI 2	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
MENINGKATKAN KADAR PELABURAN DALAM NEGERI SELANGOR	Anggaran belanja pembangunan tahunan/ RMK	Peratus belanja pembangunan tahunan yang perlu dicapai	>90%			Seksyen Agihan dan Pembangunan
	Penyelarasan Laporan Ekonomi Negeri Selangor (Rancangan Selangor Pertama dan Laporan Ekonomi)	Bilangan Laporan	2 laporan	1 laporan	1 laporan	Seksyen Makro dan Penswastaaan

TERAS STRATEGI 2 : MENYELARAS PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR FIZIKAL DAN BUKAN FIZIKAL (DIGITALISASI) DEMI KESELESAAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT						
STRATEGI 1	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
MEMPERKASA INFRASTRUKTUR FIZIKAL LESTARI DAN BERSEPADU	Pelaksanaan pemantauan terhadap syarikat konsesi bagi memastikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri berada di tahap yang terbaik	Peratusan aduan yang diselesaikan oleh syarikat konsesi.	80%			Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan
	Pewujudan portal yang menggunakan platform GIS bagi menyelaraskan perkongsian data geospasial, penganalisa data, pemantauan dan pelaporan bagi aktiviti Selangor Geospasial Data Center (SGDC)	Peratus penyelarasan data Geospasial dan pembangunan modul	2 modul			Seksyen Makro dan Penswastaaan
	Penyelarasan Program Pemantauan Jaringan Infrastruktur Dari Wilayah Utara Ke Selatan	Kekerapan pemantauan	3 kali			
	Penyelarasan Projek-Projek Pembangunan Awam-Swasta	Kekerapan pemantauan melalui mesyuarat/lawatan tapak	8 kali			

STRATEGI 2	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
MENGUKUHKAN INFRASTRUKTUR PENDIGITALAN STABIL DAN MAMPAN	Pengukuhan Infrastruktur Digital • Meningkatkan Capaian Internet (Wifi Selangor)	Bil. Hotspot/ % Liputan Internet Seluruh Selangor (Tbc Berdasarkan <i>Based Line</i> Terkini)	400 hotspot			Bahagian Pengurusan Maklumat
	Meluaskan Penggunaan Aplikasi Mobile Kerajaan Kepada Rakyat	Peratus (%) Pengguna Aplikasi Mobile	20%			
STRATEGI 3	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
MEMPERKASAKAN KEMUDAHAN AWAM DAN ASAS DI BANDAR DAN LUAR BANDAR	Pelaksanaan Projek Luar Bandar	Peratusan Perbelanjaan Pembangunan Luar Bandar	> 90%			Seksyen Agihan dan Pembangunan
	Pelaksanaan Projek Perbandaran	Peratusan Perbelanjaan Pembangunan Bandar	> 90%			
	Pelaksanaan Projek Kemudahan Awam Pihak Berkuasa Tempatan	Peratusan Perbelanjaan Projek Kemudahan Awam Pihak Berkuasa Tempatan	> 90%			Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan
	Penambahan Pengurusan Sumber Air	Bilangan Projek	2 projek	1 projek	1 projek	Seksyen Makro dan Penswastaan
STRATEGI 4	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
MENINGKATKAN JARINGAN PERHUBUNGAN	Pelaksanaan projek infrastruktur jalan	Peratusan belanja pembangunan	> 90%			Seksyen Agihan dan Pembangunan
	Program Bas Smart Selangor	Meningkatkan jumlah peratusan pengguna	5%			Seksyen Makro dan Penswastaan

**TERAS STRATEGI 3 : MEMPERKUKUKAN MOBILITI SOSIAL INSANI RAKYAT NEGERI SELANGOR YANG KOMPREHENSIF
DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN KEMAKMURAN NEGERI**

STRATEGI 1	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
MEMPERKASA TARAF HIDUP DAN SOSIAL RAKYAT BAGI MEWUJUDKAN MODAL INSAN SECARA HOLISTIK	PEMBANGUNAN MODAL INSAN RAKYAT NEGERI SELANGOR Sub program: a) Program Selangor <i>Job Fair</i>	Penurunan kadar pengangguran di Selangor	Penganjuran Program Selangor Job Fair (2 kali setahun) a) Nisbah jawatan disediakan: pencari kerja berdaftar (1 jawatan: 3 pencari kerja) b) Jumlah pencari kerja berdaftar ditemuduga dan mendapat pekerjaan (500 orang setahun)			Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	Sub program: b) Program Pembangunan Sosial	Penurunan Indeks gejala sosial	Penganjuran program pembangunan sosial melibatkan rakyat Negeri Selangor seperti Rumah perlindungan, pemulihan dan kebajikan, rumah anak Yatim dan pelajar tahfiz (2 program setahun)			

	Sub program: c) Penyampaian perkhidmatan kaunseling yang menyeluruh melalui kewujudan Pusat Kaunseling Selangor	Bilangan orang awam yang mendapatkan khidmat kaunseling	>200 orang setahun			Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	Sub program: d) Program Kemahiran Teknikal	a) Peningkatan pelajar/pelatih sebagai tenaga mahir b) Nisbah Pelajar yang Berjaya mendapat pekerjaan	2,000 pelajar setahun			
	PEDULI SISWA : Sub program: a) Pinjaman Pelajaran Boleh Ubah dan Biasiswa Kerajaan Negeri	Bilangan pelajar menerima Pinjaman Pelajaran / Biasiswa.	Penawaran PBU / Biasiswa kepada 1000 pelajar setiap tahun			
	b) HPIPT	Bilangan penerima HPIPT	3000 pelajar setahun			
	PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN PELAJAR: Sub program: a) Program Tuisyen Rakyat Selangor	Bilangan pelajar	60 ribu pelajar setahun			
	b) Program Bantuan Sekolah	Bilangan Sekolah	600 sekolah setahun			
	c)Program Pembangunan dan Pendidikan	Bilangan program	2 program setahun			
	Pembangunan Kemahiran Dan Kebajikan Guru	Bilangan program	4 program setahun			
STRATEGI 2	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
MEMPERTINGKATKAN KESEDARAN RAKYAT TERHADAP PERKHIDMATAN SOSIAL YANG DITAWARKAN MELALUI PENGGUNAAN TEKNOLOGI SEMASA	Sistem Smart Inisitif Peduli Rakyat	Bilangan pendaftaran	10,000 setahun			Seksyen Sektoral
	Aplikasi Mudah Alih Selangkah	Bilangan program yang di integrasikan dalam aplikasi Selangkah	5	7	10	
		Kadar peratusan individu yang melengkapkan program kesihatan di dalam aplikasi	40%	45%	50%	
		Bilangan pengguna aktif	15%			
STRATEGI 3	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
MEMANTAPKAN JARINGAN KERJASAMA BAGI MEMASTIKAN KEBERKESANAN PROGRAM KEPADA MASYARAKAT	Iltizam Sihat Selangor	Bilangan Keluarga	100,000 penerima			Seksyen Sektoral
	Program Bantuan Sihat Selangor	Bilangan penerima	3, 500 orang			
	Skim Kesihatan Wanita (Mammogram)	Bilangan penerima	2,000 orang setahun			
	Program Kesihatan Mental	Bilangan Program	10 Program			
	Peduli Sihat Penjawat Awam	Bilangan Penerima	10,000 penerima			

STRATEGI 4	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
PEMBUDAYAAN KESIHATAN, SUKAN DAN GAYA HIDUP SIHAT	Program Pembangunan Sukan	Bilangan atlet	900 orang setiap tahun			Seksyen Agihan dan Pembangunan
	Sukan Prestasi Tinggi	Bilangan atlet yang mewakili Negara	200 orang setiap tahun			

TERAS STRATEGI 4 : MEMPERKASA TADBIR URUS BAGI MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK

STRATEGI 1	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
PENYEDIAAN KEMUDAHAN PRASARANA YANG KONDUSIF DAN MESRA PENGGUNA	Melaksanakan pemantauan ke atas kerja-kerja penyelenggaraan bangunan/ aset milik kerajaan negeri	Bilangan laporan penyelenggaraan	100% setiap tahun			Bahagian Khidmat Pengurusan
	Menyelenggara/membaik pulih Kuarters Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor kosong untuk kemasukan penghuni baharu	Bilangan kuarters kosong yang sempurna diselenggara/ dibaikpulih	100% setiap tahun			
	Mengemukakan permohonan Pewartaan Kuarters Kerajaan	Peratusan Kuarters yang diwartakan	60%	80%	100%	
STRATEGI 2	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
PENINGKATAN KEUPAYAAN DAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	Memperkasakan perkhidmatan <i>End-to-End</i> (E2E) di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor	Peratusan peningkatan perkhidmatan E2E	2%	3%	5%	Bahagian Pengurusan Maklumat
STRATEGI 3	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
PEMANTAPAN TADBIR URUS PENTADBIRAN AWAM	Pengauditan Pengurusan dan Kewangan	Bilangan Pengauditan	16	17	18	Bahagian Audit Dalam
	Naziran Integriti	Bilangan pelaksanaan naziran	2			Unit Integriti
	Pengurusan rekod	Bilangan peratusan penggunaan Klasifikasi Fail Baharu (AM) di Bahagian/ Seksyen/Unit,PSUK	70%			Bahagian Khidmat Pengurusan
	Pengurusan Kewangan - Mengamalkan konsep “ <i>Value For Money</i> ” dalam perbelanjaan	Penjimatan dalam perbelanjaan tahunan daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan	5%			
	Pengurusan Kewangan - Jawatankuasa memantau pengurusan perbelanjaan	Mesyuarat berkala mengikut sukuan	Prestasi perbelanjaan mencapai 95% setahun			

	Penyaluran maklumat yang benar melalui pelbagai alternatif	Bilangan medium	4 saluran setiap tahun Facebook - 150 (1 minggu x 3 hebahan dan promosi) Instagram - 150 (1 minggu x 3 kali hebahan dan promosi) Twitter - 150 (1 minggu x 3 hebahan dan promosi) Tiktok - 150 (1 minggu x 3 hebahan dan promosi)			Bahagian Korporat
	Pengurusan mesyuarat	Bil mesyuarat	30 mesyuarat setiap tahun	35 mesyuarat setiap tahun	35 mesyuarat setiap tahun	MMKN
			30 mesyuarat setiap tahun (Mesyuarat MTES)			MTES
			3 mesyuarat setiap tahun (Sidang Dewan Negeri Selangor)			Pejabat Dewan Negeri Selangor
			3 mesyuarat setiap tahun (Mesyuarat YDPDO)			Bahagian Korporat
	Pengiktirafan dan Penghargaan	Peratusan fungsi jabatan mendapat Pensijilan MS ISO 9001:2015	100% setiap tahun			Bahagian Korporat
		Bilangan Jabatan/agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang dinilai melalui penilaian Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC)	100% setiap tahun			
STRATEGI 4	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
PEMBUDAYAAN INOVASI DI SEGENAP MASYARAKAT	Pembangunan dan Pembudayaan Inovasi Rakyat	Bilangan program inovasi yang melibatkan rakyat	1 program setiap tahun			Bahagian Korporat
	Pembangunan dan Pembudayaan Inovasi Penjawat Awam	Bilangan penyertaan pertandingan inovasi di peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa	1 penyertaan setiap tahun			
STRATEGI 5	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
MEMPERKUKUH PENGURUSAN SUMBER MANUSIA YANG EFEKTIF	PENGURUSAN MODAL INSAN PENJAWAT AWAM Sub program: a) Pelan Penggantian Dan Pusingan Kerja	Pusingan Kerja i. Jawatan sensitif 3-5 tahun tempoh penempatan ii. Jawatan bukan sensitif 5-8 tahun tempoh penempatan	Kumpulan P&P: 20 orang setahun dan Kumpulan Pelaksana: 100 orang setahun (meliputi semua jawatan) Pegawai atau kakitangan: i.melebihi 10 tahun di jabatan yang sama (jawatan bukan sensitif) ii.melebihi 8 tahun di jabatan yang sama (jawatan bukan sensitif) iii.melebihi 5 tahun di jabatan yang sama (jawatan sensitif)			Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

	Sub program: b) Pelan Penggantian Dan Pusingan Kerja	Pelan Penggantian Jawatan Strategik: i. Pejabat SUK ii. Jabatan PAN iii. Pejabat Daerah & Tanah iv. PBT v. BBN	Pejabat SUK - 3 Jabatan PAN - 16 Pejabat Daerah & Tanah - 9 PBT - 24 BBN - 6			Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	Sub program: c) Mengoptimum Penggunaan HRMIS	i. Data Perjawatan ii. MyPortfolio iii. Pengisytiharan Harta iv. Sasaran Kerja Utama (SKU) Dalam <i>MyPerformance</i> v. Penglibatan dan sumbangan P&S) Dalam <i>MyPerformance</i> vi. Permohonan Pertukaran vii. Permohonan Tanggung Kerja viii. Program Pembangunan Kompetensi (PPK) ix. Pengurusan Perhubungan Majikan-Pekerja(MBJ) x. Penamatan Perkhidmatan xi. Pemurnian Data	100% pencapaian yang melibatkan 11 elemen KPI HRMIS			
	Sub program: d) Pengurusan Prestasi Dan Pengiktirafan	1 kali setahun Majlis Apresiasi Perkhidmatan	1) Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri (1 kali setahun) 2) Jabatan Negeri dan BBN : tertakluk kepada permintaan (1 kali setahun)			
	Sub program: e) Majlis Bersama Jabatan	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	3 kali setahun			
	Sub program: f) Sesi Libat Urus Bersama Pengurus Sumber Manusia	43 Agensi	1 kali setahun			
	Sub program: g) Naziran Perjawatan	43 Agensi 1) PAN 2) PBT 3) BBN	3 agensi setahun			
STRATEGI 6	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
PEMATUHAN DASAR LATIHAN DAN KOMPETENSI SEKTOR AWAM (DASAR PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA PERKHIDMATAN AWAM 2022	Pengurusan Aduan Awam	Peratusan Penyelesaian Aduan Awam	>81% setiap tahun			Bahagian Korporat
	Kajian Kepuasan Pelanggan	Peratusan Kepuasan Pelanggan	>75% setiap tahun			
	MEMPERKASA KOMPETENSI PENJAWAT AWAM Sub program: a) Membangun dan mewujudkan Pelan Operasi Latihan (POL)	Bilangan Pelan Operasi Latihan yang diwujudkan	1 pelan setiap tahun			Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

	Sub program: b) Merangka dan menyelaraskan keperluan latihan Sumber Manusia yang bersesuaian dengan setiap skim perjawatan	Bilangan pegawai dan kakitangan yang menghadiri minima 40 jam tempoh berkursus dalam setahun	60% daripada keseluruhan pegawai dan kakitangan PSUK Selangor mencapai kehadiran 5 hari (40 jam) tempoh berkursus setahun			Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	Sub program: c) Menyelaraskan Keperluan Program Latihan Berimpak Tinggi (Kepimpinan) Dalam dan Luar Negara	Bilangan pegawai dan kakitangan yang menyertai program	10 pegawai setahun			
STRATEGI 7	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
PEMANTAPAN KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN PENJAWAT AWAM NEGERI SELANGOR	PENGURUSAN PSIKOLOGI DALAM PERKHIDMATAN AWAM 1) Memperkasa aplikasi psikologi dalam penilaian personel Sub program: a) Penggunaan ujian psikologi (e-UNIK) semasa urusan pemilihan pekerja	Jumlah individu yang memohon pekerjaan	100 %			Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	2) Memperkasa aplikasi psikologi dalam pembangunan personel Sub program a) Membangun dan melaksana modul bagi program peningkatan dan pembangunan sendiri (PPK) berdasarkan kepada keperluan dan kesesuaian merangkumi isu pengurusan stress, peningkatan motivasi, perubahan sikap, dan lain-lain	Bilangan pegawai dan kakitangan yang menyertai program PPK	100 %			
	3) Memperkasa aplikasi penyelidikan psikologi Sub program a) Mengkaji permasalahan penjawat awam di tempat kerja seperti faktor pencetus, penghalang motivasi, pencetus dan lain-lain berdasarkan kepada keperluan dan kesesuaian semasa	Bilangan klien / penjawat awam yang mengikuti program kaunseling	1 laporan setahun			

	4) Memperkasa aplikasi psikologi dalam intervensi Membangun dan membantu pegawai mengurus masalah secara lebih berkesan melalui Program Pengupayaan Kendiri melalui aktiviti atau sub program seperti berikut:- i) Kaunseling Penyampaian perkhidmatan kaunseling yang menyeluruh dan terkini seiring dengan perkembangan teknologi	Bilangan klien / penjawat awam yang mendapatkan khidmat kaunseling	100 setahun			Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
	ii) Pementoran Memperkasakan Pelaksanaan Program Pementoran	Bilangan pegawai dan kakitangan yang menyertai program	Sekurang-kurangnya 30 orang setahun			
	iii) Pembimbing Rakan Sekerja Memperkasakan Fungsi dan Peranan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)	Bilangan program	2 aktiviti setahun			
STRATEGI 8	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
PENGUKUHAN HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN NEGERI DAN MASYARAKAT	Pelaksanaan program Kerajaan Negeri bersama Pemimpin Masyarakat (Ketua Kampung Tradisi/ Ketua Kampung Baru/ Ketua Komuniti India)	Bilangan program	Minimum 30 program yang melibatkan pemimpin masyarakat			Seksyen Sektoral
	Pelaksanaan program Pemimpin Masyarakat bersama komuniti setempat/ masyarakat	Bilangan program	Minimum 2000 program			
	Pelaksanaan program Kerajaan Negeri bersama Kelompok Masyarakat (Warga Emas/ OKU/ Kanak-kanak/ Wanita/ Penggiat Seni dan kebudayaan)	Bilangan program	Minimum 15 program yang melibatkan pemimpin masyarakat			

TERAS STRATEGI 5 : MEMASTIKAN KELESTARIAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

STRATEGI 1	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
MENETAPKAN PEMBANGUNAN MAMPAN BERASASKAN TEKNOLOGI HIJAU DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR	Menggalakkan aktiviti pemahaman dan Kesedaran Alam Sekitar	Bilangan program	20 program setiap tahun			Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan
	Memantau aktiviti Pemuliharaan Ekosistem Kelip-kelip	Bilangan Aktiviti	3 aktiviti setiap tahun			
	Penggunaan Teknologi Hijau Pemasangan Solar Di Bangunan Kerajaan	Peratusan Penggunaan Teknologi Hijau	30% daripada semua bangunan kerajaan			
	Inisiatif Penetapan Syarat Pembangunan Melibatkan Kelestarian Alam Sekitar	Penyediaan Dokumen (Garis Panduan / Arahan)	1			
	IPelaksanaan Kerangka Bandar Rendah Karbon (LCCF) Di Negeri Selangor	Bilangan PBT	12 PBT			
STRATEGI 2	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)			BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
			2023	2024	2025	
MENINGKATKAN KESIAPSIAGAAN DAN DAYA TAHAN PENGURUSAN BENCANA	Pelaksanaan simulasi dan latihan amal menghadapi bencana peringkat JPBN & JPBD	Bilangan simulasi	1 kali setahun			Unit Pengurusan Bencana
	Pelaksanaan Program Pengurangan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti di Peringkat Daerah	Bilangan program (1 program untuk setiap 9 daerah dalam setahun)	9 kali setahun			

PENCAPAIAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2018 - 2021

TAHUN	PENCAPAIAN
2018	Anugerah Emas sempena <i>International Convention on Quality Control Circles (ICQCC)</i> 2018, Singapura
	Anugerah Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri <i>Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC)</i> 2018
	Anugerah Silver sempena <i>International Invention, Innovation & Technology Exhibition 2018 (ITEX)</i>
	Anugerah Bronze SIRIM <i>Invention, Innovation & Technology Expo</i> 2018
	Anugerah Emas Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Wilayah 2018
	Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM)
	Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS
	Johan Kategori Inovasi Sosial (Penciptaan) Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Tahun 2018
	Naib Johan Kategori Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan) Majlis Persada Inovasi Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2018
	Anugerah Khas <i>International Innovation</i> sempena Majlis Apresiasi Inovasi Negeri Selangor Tahun 2018
	Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
	Pensijilan MS ISO 9001:2015 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

TAHUN	PENCAPAIAN
2019	Anugerah 3 Bintang <i>International Quality and Productivity Convention</i> 2019, Bali Indonesia
	Pencapaian HRMIS 5 Bintang (100%)
	Tempat Ketiga Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan), MPIPANS
	Anugerah Amalan Terbaik Keutuhan Nilai Perkhidmatan Awam Kebangsaan
	Akredetasi Amalan Perkhidmatan Kaunseling Pusat Kaunseling Selangor (Talian Sahabat)
	Pensijilan MS ISO 9001:2015 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
	Anugerah Emas Konvensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Wilayah Tahun 2019
	Anugerah 5 Bintang dan 4 Bintang Kovensyen <i>Team Excellence</i> Peringkat Kebangsaan sempena <i>Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC)</i> 2019
	Malaysia <i>Anti Corruption Champion Award</i> 2019 (MACCA)
	Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
	Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
	2019 <i>Low Carbon Cities Award</i> oleh Greentech Malaysia
	Anugerah Emas, <i>Best Of The Best Award</i> dan <i>Best Inventor Award</i> sempena Ekspo SIRIM <i>invention, Innovation & Technology (Si2te)</i>
	Anugerah Emas <i>2nd Digitalised International Invention, Innovation & Design</i> Johor (DIIID Johor)
	Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 (ISM)
	Tempat Ke-4 dan Ke-7 Kluster Elektrik dan Elektronik Kategori Industri Selangor <i>Research, Development and Innovation Expo</i> 2019
	Tempat Ke-10 Kluster Pemesinan dan Peralatan Kategori Industri Selangor <i>Research, Development and Innovation Expo</i> 2019
	Hadiah Penghargaan Anugerah Inovasi Negeri Selangor Tahun 2019

TAHUN	PENCAPAIAN
2020	Anugerah 5 Bintang Penarafan Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam Kerajaan Negeri, Kementerian Kewangan Malaysia
	Anugerah <i>Diamond Recognition Low Carbon Cities 2020 - Low Carbon Partner</i>
	Anugerah 5 Bintang Pencapaian 100% KPI HRMIS
	Anugerah Tempat Ketiga, Kategori Sektor Awam, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
	20 Kumpulan Terbaik (Top 20) Kategori Sektor Awam, MPC
	Anugerah IR4.0 Kategori Kerajaan, MPC
	Anugerah Emas 5 Bintang dan 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam (Negeri) <i>Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2020</i>
	3 Anugerah Emas dan Anugerah 14.0 <i>Regional Innovation Showcase on Team Excellence (RISTEx) 2020</i> .
	Anugerah Cemerlang bagi Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
	Pensijilan MS ISO 9001:2015 (<i>Quality Managemant System</i>) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
	Pensijilan MS ISO 1900:2014 (<i>Syariah-based Quality Management System</i>) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
	Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

TAHUN	PENCAPAIAN
2021	2 Anugerah <i>Par Excellence Award di International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2021</i> , Hyderabad India
	Anugerah Bandar Rendah Karbon 2020 daripada Greentech
	Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2020
	Anugerah Cemerlang bagi Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
	Pensijilan MS ISO 9001:2015 (<i>Quality Managemant System</i>) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
	Pensijilan MS ISO 1900:2014 (<i>Syariah-based Quality Management System</i>) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
	Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

TAHUN	PENCAPAIAN
2022	Anugerah Penarafan Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam Kerajaan Negeri (4 bintang), Kementerian Kewangan
	MPKK Kampung Ijok Terbaik Kebangsaan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)
	Rekod <i>"THE LARGEST NASI AMBENG EATING SESSION"</i> di dalam <i>MALAYSIA BOOK OF RECORDS</i> (MBROR)
	Rekod <i>"MOST PARTICIPANTS IN WELFARE HOME SAFETY TRAINING"</i> di dalam <i>MALAYSIA BOOK OF RECORDS</i> (MBROR)
	Tempat Kedua Pavilion Negeri Terbaik Sempena Negeri Terbaik Sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) 2022
	Anugerah Perak (Silver) bagi <i>Public Service Innovation Awards</i> (PSIA) 2022 sempena Malaysia Technology Expo (MTE) 2022
	Naib Johan Kategori Badan Beruniform Kontinjen Perbarisan dan Perarakan Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-65 Peringkat Negeri Selangor Tahun 2022
	Anugerah Cemerlang bagi Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
	Pensijilan MS ISO 9001:2015 (<i>Quality Managemant System</i>) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
	Pensijilan MS ISO 1900:2014 (<i>Syariah-based Quality Management System</i>) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
	Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

CATATAN